

TAJUK PROJEK

Pembangunan homeplot ala-fertigasi

PENGENALAN

Penternakan ruminan di negeri Kedah pada tahun 2016 telah mengeluarkan sehingga 1621mt daging lembu/kerbau dan 292mt daging kambing/bebiri yang menyumbang kepada 13% tahap sara diri daging tempatan. Industri ini telah mencecah RM 55Juta nilai industri negeri. Isu yang sering dihadapi oleh penternak adalah peningkatan kos makanan ternakan yang melibatkan 70% kos pengeluaran daging tersebut. Bagi memastikan penternakan ruminan ini dapat terus berkembang secara mapan, JPV Kedah turut menggariskan beberapa strategi bagi menyokong usaha penternakan sedia ada. Bajet RMK11 meletakkan pembangunan homeplot penternak di bawah insentif homeplot ruminant dan program peningkatan pembangunan dan pengeluaran bahan makanan ternakan yang melibatkan kos RM200,000 setahun.

LATAR BELAKANG PROJEK

Program Pembangunan Homeplot di kalangan penternak ruminant di Negeri Kedah telah dimulakan sejak RMK10 (2010- 2015) dengan sasaran mengurangkan kos makanan ternakan menerusi penanaman sumber makanan berprotein tinggi seperti rufaj, fodder dan legume. Sehingga kini, seramai 82 peserta homeplot telah dibangunkan dengan keluasan 130 ekar dalam program pembangunan industri ruminant dan program pengeluaran makanan ternakan Negeri Kedah.

Pelbagai jenis tanaman yang dibangunkan termasuklah variety napier Taiwan, Kobe, dwarf, Petai Belalang Mulberi dan lain-lain

Kos pembangunan program ini adalah pelbagai mengikut kedudukan lokasi kawasan dan kepelbagaian jenis tanah sehingga 407 jenis yang terdapat di negeri Kedah.

ISU / PERMASALAHAN PROJEK / SEBAB PROJEK DILAKSANAKAN

Jabatan didalam mengendalikan program bantuan home plot terdapat pelbagai masalah dalam pembangunan kawasan tanaman makanan ternakan di antaranya :-

- i. Peratusan pertumbuhan penanaman rumput rendah
- ii. Kekangan keadaan cuaca seperti kemarau, banjir dsb
- iii. Kelewatan penyediaan sebutharga – kerja –kerja gagal disempurnakan dalam tempoh kewangan semasa.

Sebab Projek dilaksanakan


1. Pembangunan homeplot di kalangan penternak mempunyai masalah berikut:
 - a. Kesuburan tanah
 - b. Peresaingan tanah pertanian untuk tanaman kontan
 - c. Hak pemilikan tanah sementara

- d. Pertanian dan penternakan perlu menepati ciri-ciri lestari alam berkonsepkan pertanian Bandar
2. Peratusan pertumbuhan penanaman rumput rendah
 - a.
3. Bajet pembangunan tanaman homeplot meningkat bagi kos analisa tanah, rawatan kesuburan tanah dan pembersihan tanah terbiar
4. Keadaan cuaca yang tidak menentu meningkatkan risiko kegagalan kontraktor dilantik menyempurnakan kerja-kerja tanaman homeplot sebagaimana spesifikasi yang ditetapkan
5. Bilangan kontraktor yang mahir didalam bidang teknikal penyediaan dan penanaman rumput (pembersihan kawasan, penyediaan tanah sehinggalah penanaman rumput atau legume) adalah terhad.

MATLAMAT PROJEK

1. Agihan bajet peruntukan pembangunan homeplot yang seimbang dan berimpak tinggi di kalangan penternak.
2. Meningkatkan hasil pengeluaran dan kualiti homeplot dalam kawasan tanah yang terhad.
3. Mengurangkan kos pengurusan homeplot tanpa menjejaskan kuantiti dan kualiti hasil makanan ternakan yang disasarkan.
4. Mengurangkan risiko kegagalan kerja-kerja penanaman homeplot disiapkan pada tahun kewangan semasa.

SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK



- Kepelbagaian tanaman makanan ternakan mudah alih dan sesuai untuk lanskap



- Penyerapan baja yang efisien



- Pengendalian tuaian lebih mudah (10-15kg/bag)



OUTPUT/OUTCOME/IMPAK PROJEK

Perkara	Tanaman homeplot konvensional	Tanaman homeplot ala fertigasi
Tuaian Napier	Penggunaan 1 ekar tanah subur dan dirawat = 4840kg Napier	Tidak terhad jenis tanah = 4840kg Napier
Kos Projek	RM10,800	RM4,900
Tempoh Siap kerja (spesifikasi sebutarga)	70-90 hari	21 -28 hari
Jenis tanaman	Kekal	Mudah alih
Konsep pertanian bandar	tidak	ya

GAMBAR PELAKSANAAN PROJEK

BEKALAN POLY BAG
SAIZ : 22 INCI X 22 INCI



BENIH NAPIER JENIS "KOBE" / DWAFT

- Sebanyak 4 keratan benih rumput napier vareiti "kobe" / dwaft
- Satu keratan mempunyai 10 – 20 mata tunas
- Empat keratan diletakan secara empat segi di dalam poly bag.



PENYEDIAAN MEDIA/ POLY BAG 22" X 22"

- Sekam padi : 30%
- Tinja kambing (pemeraman 3 bln >) : 50%
- Top soil : 20 %
 - Digaul sehingga sebati
- Masukkan media sehingga mencapai ketebalan 5 inci didalam poly.
- Letakkan tong (5 liter) minyak masak. Kain perca : untuk menyerapkan air dari dalam botol kepada tanaman
- Masukkan campuran media tadi kedalam poly bag disekeliling tong (5 liter) tersebut sehingga memenuhi ¾ daripada poly bag.




- Seterusnya diletakan secara baringan
- Sebanyak 4 keratan benih rumput napier vareiti "kobe" / dwaft
- Satu keratan mempunyai 10–20 mata tunas
- Empat keratan diletakan secara empat segi di dalam poly bag.
- Selanjutnya taburkan campuran media sehingga menutupi benih tersebut dengan ketebalan 3 inci
- Di biarkan selama sehingga mencapai umur tanaman 4 bulan untuk potongan pertama.
- Pada peringkat pertumbuhan tanaman mencapai umur 1 bulan adalah perlu ditabur baja - fetegasi cecair



PEMOTONGAN MESTI SAMA PARAS TANAH DALAM POLY BAG

- Pemotongan yang betul: dipotong sama paras dengan level tanah dalam poly bag
- Disyorkan umur pemotongan diantara 65 – 70 hari
- Seterusnya dimasukkan campuran media sehingga menutupi perdu yang dipotong dengan mencapai ketebalan 1 inci



Kaedah Pengairan 'Drip'